

Kesan Pembelajaran Kursus Wajib Program (WP) Secara Dalam Talian di Universiti Sains Islam Malaysia

[The Impact of Online Learning for the Core Courses in
Universiti Sains Islam Malaysia]

AZLAN SHAIFUL BAHRUM^{1*}
KHAIRUL ASYRAF MOHD NATHIR¹
MOHAMAD LOQMAN IBRAHIM²

Abstrak

Kajian ringkas ini bertujuan untuk melihat sejauh mana keberkesanan pembelajaran dalam talian dalam kalangan pelajar. Tumpuan utama ialah pengalaman mereka dalam menghadapi susasana pembelajaran ketika pandemik Covid-19 yang masuk tahun ketiga. Fokus utama kepada kursus wajib program (WP) Linguistik (BAL4083) pada Semester 1 2021/2022. Sampel kajian ialah 59 pelajar tahun tiga, Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi (SMBAK). Data dikumpul melalui borang kaji selidik menggunakan Microsoft Forms. Hasil kajian mendapati ada kebaikan yang diperoleh oleh mereka daripada pembelajaran kursus ini, walaupun menghadapi banyak masalah dan cabaran. Mereka juga cuba mencari jalan penyelesaian yang berkesan ketika melalui proses PdP secara dalam talian. Mereka berharap dapat meneruskan pembelajaran secara bersemuka pada masa terdekat di samping dapat menyesuaikan diri dengan norma baharu dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan ketika musim pandemik ini.

Kata Kunci: keberkesanan, pelajar bahasa Arab, kursus Linguistik (BAL4083), pembelajaran dalam talian, pandemik

Abstract

This brief study aims to explore the effectiveness of students' experiences towards online learning environment during the Covid-19 pandemic season specifically in the Linguistics course (BAL4083) in Semester 1 2021/2022. The study sample is 59 students. They are from year 3 students in Bachelor of Arabic Language and Communication (SMBAK). The data were collected through a questionnaire using the Microsoft Forms. The results of the study found that the students gained many benefits of learning the course, even though they faced many shortcomings and challenges. They tried their best to overcome disruptions in the online T&L process. The students hoped that they can continue their face-to-face learning as soon as

¹ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

² Jabatan Pengajian Am, Universiti Kuala Lumpur Royal College Medicine Perak, 30450, Ipoh Perak, Malaysia.

Corresponding Author:

AZLAN SHAIFUL BAHRUM, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: azlan_arab@usim.edu.my

possible despite following the new norms and Standard Operating Procedures (SOP) set by the government in the period of pandemic recently.

Keywords: effectiveness, Arabic language students, Linguistics course (BAL4083) course, online learning, pandemic

Cite This Article:

Azlan Shaiful Baharum, Khairul Asyraf Mohd Nathir & Mohamad Loqman Ibrahim. 2022. Kesan Pembelajaran Kursus Wajib Program (WP) Secara dalam Talian di Universiti Sains Islam Malaysia. *Asian Journal of Civilization Studies*. (AJOCS), 4(1): 1-12

PENGENALAN

Penyebaran pandemik Covid-19 di seluruh dunia termasuk Malaysia, menyebabkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengarahkan semua institusi pengajian tinggi menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran secara maya atau dalam talian. Bermula 1 Jun 2020 yang lalu hingga awal tahun ini, para pelajar telah menjalani proses pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian bagi semua kursus sehingga ke hari ini. Ini termasuklah kursus wajib program (WP) Linguistik (BAL4083). Ini berlaku secara berterusan dalam ketidaktentuan setelah lebih setahun yang lalu. Suatu pengalaman luar biasa yang tidak pernah dialami seluruh warga universiti termasuk Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri Malaysia (2021), pada awal Oktober 2021 kerajaan mengisyiharkan Pelan Pemulihan Negara (PPN). Ia merupakan satu pelan Tindakan peringkat kebangsaan bagi memulihkan keadaan negara selepas dilanda pandemik Covid-19. Ini termasuk sektor Pendidikan. Sebahagian besar warga akademik masih tidak dibenarkan melakukan aktiviti secara bersemuka bagi mengelakkan berlakunya penambahan kes Covid-19 setiap hari. Dengan itu, pihak universiti telah mengumumkan bahawa pembelajaran secara dalam talian sepanjang PPN sebelum ini terus dilanjutkan walaupun semua negeri telah bergantung ke fasa 4 pemulihan. Situasi norma baharu ini terpaksa dilalui dan pengalaman ini juga tidak pernah dirasai oleh para pelajar dan pensyarah. Semua course learning outcome (CLO) terpaksa diubah sesuai perkembangan semasa. Semua ketua program terpaksa menyediakannya secara drastik dalam masa yang singkat. Penyesuaian ini perlu dilakukan demi memastikan kelangsungan pembelajaran dan pengajaran dapat dijalankan dengan sistematik walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran yang tidak dapat dijangkakan pada masa hadapan.

Walaupun telah lama berlaku dan kebanyakan Universiti Awam telah melaksanakan PdP secara hybrid atau berselang-seli di antara bersemuka dan dalam talian, tetapi warga akademik masih lagi cuba menyesuaikan diri dengan keadaan ini. Menurut Abdul Rashid Abdul Aziz (2021) norma baharu ini perlu segera disesuaikan agar tidak mengganggu pembelajaran dan kelangsungan aktiviti akademik. Ia juga penting untuk memastikan prestasi akademik pelajar juga tidak berada dalam keadaan membimbangkan sama ada dari aspek mental dan emosi mereka.

PERMASALAHAN KAJIAN

Konsep pembelajaran dalam talian merupakan suatu perkara yang telah diperkenalkan sejak awal era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) ini. Istilah itu tidak asing lagi bagi para pelajar kerana mereka digalakkan untuk menggunakan mod campuran (mix-mode) dalam pembelajaran. Pensyarah pula digalakkan menggunakan kaedah pengajaran teradun (blended learning) untuk mempelbagaikan cara penyampaian ilmu (Ashraf, Khazri dan Nurul Huda, 2020). Menurut Siti Nurbaitura dan Nurulfaradilla (2020), pembelajaran dalam talian bukanlah sesuatu yang baru kepada guru-guru sebelum pandemik Covid-19 ini berlaku, namun kaedah pembelajaran ini hanya sebagai sokongan kepada pembelajaran konvensional yang dijalankan di dewan kuliah. Namun begitu, kini penggunaan secara total itu merupakan satu kejutan budaya buat mereka. Apatah lagi dengan pelbagai cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh kedua-dua pihak iaitu pensyarah dan pelajar (Azlan, 2022).

Di samping itu, para pelajar terpaksa melalui satu fasa yang sangat berbeza sama sekali dari pembelajaran sejak sekolah rendah hingga ke menara gading. Mereka sudah biasa mengenali internet, media sosial, e-pembelajaran dan teknologi maklumat serta menganggapnya hanya sebagai medium bersantai dan bersosial, selain melalui proses pembelajaran secara bersemuka (face-to-face). Semuanya berubah akibat penularan pandemik Covid-19. Ini menimbulkan pelbagai persoalan mengenai keberkesanannya yang akan dikupas melalui kajian ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi pelajar terhadap keberkesan proses pembelajaran kursus kursus wajib program (WP) Linguistik (BAL4083) secara dalam talian semasa musim pandemik Covid-19, permasalahan dan cara mengatasi masalah tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif. Ia menggunakan kaedah tinjauan pendapat melalui tiga soalan kaji selidik terbuka iaitu pendapat mereka tentang norma baharu PdP kursus secara dalam talian, masalah yang dihadapi dan cara mengatasi masalah tersebut. Sampel kajian ini seramai 59 pelajar daripada pelajar tahun 3, Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi (SMBAK). Data dikumpul melalui borang kaji selidik menggunakan Microsoft Forms dan dianalisis satu persatu secara konvensional oleh para pengkaji.

SOROTAN KAJIAN

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia kini semakin berkembang luas (Rosni, 2009). Sejak ia diperkenalkan lebih kurang 20 tahun yang lalu secara formal, ia semakin diterima. Namun begitu menurut Azlan et. al (2013), penguasaan pelajar dalam aspek bahasa masih berada di tahap yang kurang memuaskan terutama sekali di peringkat menengah dan universiti. Pencapaian pelajar dalam ujian dan peperiksaan bahasa Arab mengundang kebimbangan pelbagai pihak dalam bidang akademik terutama dalam aspek linguistik walaupun kaedah

pengajaran konvensional digunakan. Ia membawa kepada penguasaan yang semakin merosot dari semasa ke semasa. Menurut Mohd Fairuz, Zetty Akmar, Mohd Faiz dan Mohd Rahimy (2020) apatah lagi mereka berada dalam ketakutan dan terpaksa berdepan norma baharu pembelajaran dalam talian.

Rahimi et, al (2005) menyatakan bahawa pendidikan bahasa Arab sebagai bahasa asing/kedua semakin mendapat perhatian di Malaysia. Namun, amalan pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut masih berada di tahap yang belum memuaskan. Pelbagai kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar Malaysia masih belum berada pada tahap yang amat memuaskan di Malaysia. Jika diperhatikan, banyak faktor yang menghalang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut termasuklah kelemahan dalam amalan pedagogi, penggunaan alat/bahan bantu mengajar (BBM) dan kegagalan memanfaatkan perkembangan teknologi semasa. Oleh itu, kajian ini meninjau pandangan para pelajar terhadap tahap keberkesanan pembelajaran subjek bahasa dalam suasana norma baharu.

Saipolbahrin et, al. (2017) mendapati bahawa untuk menarik pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah, perlunya kepada satu inovasi dihasilkan. Sebagai contoh, aplikasi pembelajaran khas yang dihasilkan juga dapat menarik minat pelajar di sekolah untuk mempelajari bahasa Arab dengan menggunakan pendekatan yang menarik dan berkesan bersesuaian dengan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Ini juga perlu difikirkan semasa berlakunya pandemik ini supaya pensyarah lebih berkreativiti dalam proses PdP dalam talian.

Beberapa penemuan menunjukkan ada permasalahan motivasi dan sikap yang perlu ditangani oleh pengajar-pengajar bahasa Arab di peringkat IPT. Seterusnya, beberapa saranan telah dicadangkan untuk mengatasi permasalahan ini (Azman Che Mat (2013). Manakala Najmi (2020) menyatakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bukan alasan untuk kita semua tidak boleh melakukan hal-hal yang bermanfaat semasa berada di kediaman supaya suasana dan keadaan lebih kondusif. Sebaliknya, banyak peluang yang boleh diterokai bersama ahli keluarga terutamanya dengan memanfaatkan teknologi maklumat. Antaranya, inilah masa terbaik untuk masyarakat belajar dan menuntut ilmu baharu melalui alam maya. Justeru itu, dunia perlu memilih pembelajaran alam maya sebagai alternatif kepada mod pembelajaran bersemuka walaupun langkah itu mungkin dilihat sedikit mencabar dan ada keterbatasannya.

Sehubungan itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), membenarkan semua Universiti Awam (UA) dan Universiti Swasta (US) melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam talian (Najmi, 2020). Bagaimanapun, pengurusan pembelajaran secara digital ini perlu diambil kira dari aspek pelaksanaannya oleh institusi pendidikan itu sendiri. Antara platform yang sesuai untuk diguna pakai bagi tujuan pengurusan pembelajaran dalam talian ialah platform yang berbagai-bagai seperti Zoom, Microsoft Teams, dan Google Classroom. Di USIM misalnya para pelajar dan ahli akademik yang lain menggunakan platform Microsoft Teams atau Zoom rasmi untuk memudahkan prose PdP dalam talian termasuk kursus WP ini khususnya di Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU).

DAPATAN KAJIAN

Pembelajaran dalam talian pada masa kini merupakan satu keperluan. Kajian ini diwujudkan untuk melihat sejauh mana keberkesanannya dalam kalangan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), khususnya pelajar Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU). Menurut Hairun Najuwah, Wazzainab, Ku fatahiyah, Awatif (2020) perubahan ke arah PdP secara maya ini sememangnya memberi cabaran yang besar bukan sahaja kepada para pelajar, malah memberi impak yang besar kepada kaedah pengajaran para pensyarah. Antara hasil daptan kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori yang utama iaitu kondisi norma baharu pembelajaran, masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar dan cara mengatasi masalah tersebut yang cuba dilakukan oleh mereka.



Rajah 1: Hasil daptan kajian persepsi pelajar terhadap pembelajaran BAL4083

Norma Baharu Pembelajaran

1. Pensyarah kursus ini memilih platform tanpa bersemuka (live streaming) seperti platform Zoom dan aplikasi media social WhatsApp sebagai medium komunikasi yang berkesan dan pantas serta sebagai 'kelas gantian pelajar'. Pelajar SMBAK, FPBU khususnya untuk kursus Linguistik (BAL4083) tidak ketinggalan dalam pembelajaran walaupun di mana mereka berada, dan sentiasa dapat mengemas kini maklumat terkini yang dikongsikan oleh pensyarah terutama berkaitan nota kursus, kerja kursus, latihan tutorial dan ujian.
2. Kelebihan platform sebegini tidak dapat disangkal, kerana ia mempunyai aplikasi rakaman. Ia dapat diulang tayang untuk rujukan semula dan menjadi sumber sekunder pelajar untuk terus berhubung dengan pensyarah mereka sekiranya mempunyai persoalan atau kemusykilan.
3. Pembelajaran dalam talian memberikan pengalaman yang bermakna dan baharu untuk dihadapi oleh para pelajar pada waktu-waktu yang genting dan sangat mencabar ketika musim pandemik covid-19 ini.
4. Pembelajaran dalam talian juga dilihat dapat menjimatkan kos kewangan para pelajar kerana mereka tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan seharian. Sebahagian besar pelajar memang berada di rumah masing-masing dan tidak dating ke kampus kerana kursus ini tidak memerlukan makmal atau bengkel fizikal.

5. Peranan pensyarah dalam mengendalikan pembelajaran secara dalam talian amat penting terutama ketika pelajar mempunyai masalah teknikal semasa pembelajaran berlangsung. Pensyarah akan cuba membantu sedaya upaya untuk memastikan kelangsungan proses PdP dan dijalankan dengan sebaik mungkin.
6. Para pelajar akan lebih fokus untuk pembelajaran kendiri secara fleksibel. Mereka boleh menonton ulangan rakaman kuliah pada bila-bila masa, selain mengajar para pelajar ketepatan masa dan pengurusannya. Ini kerana pensyarah akan mula menyampaikan kuliah tepat pada masa yang telah diperuntukkan. Pembelajaran dalam talian adalah 50% daripada masa sebenar yang diperuntukkan untuk pembelajaran secara bersemuka.
7. Pembelajaran kursus ini secara dalam talian amat baik dan sesuai dengan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan bidang linguistik. Para pelajar sekali gus dapat mempraktikkan apa yang dipelajari dengan mencari pelbagai bahan rujukan secara dalam talian. Banyak perkara daripada kursus ini yang boleh diaplikasikan sepanjang tempoh pembelajaran.
8. Kursus ini juga dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan diri untuk bercakap, dapat berinteraksi dengan pensyarah dan rakan-rakan yang lain, dapat bekerja dalam kumpulan dengan berkesan untuk menyiapkan tugas yang diberikan mengikut masa yang telah ditetapkan oleh pensyarah.
9. Mempelajari subjek ini secara dalam talian dapat menjimatkan masa yang selebihnya dengan menyiapkan tugas atau memahami bahan pembelajaran untuk subjek seterusnya. Ini kerana proses pembelajaran seperti ini tempohnya lebih pendek berbanding dengan pembelajaran secara bersemuka.

Masalah Pembelajaran Dalam Talian

1. Kursus Linguistik (BAL4083) mudah difahami dengan baik, tetapi masalah capaian internet yang dihadapi bagi pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar telah menyebabkan pelajar hilang fokus dalam pembelajaran kerana bimbang ketinggalan dengan apa yang telah dibincangkan bersama rakan-rakan dan pensyarah dalam satu sesi pertemuan tersebut.
2. Suasana di rumah yang tidak kondusif untuk fokus sepenuhnya terhadap pembelajaran kerana mempunyai banyak tugas sampingan lain yang perlu dilakukan serta diganggu oleh adik-beradik yang masih kecil semasa melalui proses belajar dalam talian.
3. Sebahagian pelajar beranggapan bahawa banyak cabaran dari segenap sudut emosi, mental dan lain-lain yang telah dilalui meskipun dikatakan teknologi itu memudahkan, namun tidak semua orang mampu menikmatinya dalam keadaan dan masa yang sama. Kemampuan setiap individu itu berbeza kerana kebanyakan pelajar termasuk dalam kategori B40.
4. Pelajar mengalami kesukaran untuk mengadaptasikan pembelajaran dalam talian kerana sukar berinteraksi dengan rakan-rakan dan pensyarah serta gangguan internet yang tidak stabil. Selain itu, kerja dalam kumpulan juga menjadi masalah apabila komunikasi dengan ahli kumpulan menjadi kurang efektif dan sesetengahnya gagal memberikan kerjasama yang baik hingga tugas yang diberikan tidak dapat disempurnakan dengan sebaik yang mungkin.

5. Suasana di rumah sangat merumitkan untuk menyusun masa dengan baik dalam menyiapkan kertas kerja, peta minda dan mengulang kaji pelajaran untuk peperiksaan serta tugas kumpulan.
6. Pensyarah kursus Linguistik (BAL4083) sudah pun menerangkan tugas berkumpulan sejak pertengahan semester semasa. Namun kesilapan pelajar itu sendiri yang tidak mengambil berat dan cakna dengan format tugasan sehingga berlaku salah faham antara ahli kumpulan masing-masing.
7. Sebahagian pelajar mempunyai kelemahan untuk memahami beberapa topik linguistik. Oleh itu, ia mengambil banyak masa menyebabkan mereka kurang fokus kelas secara dalam talian berbanding kelas bersemuka. Pelajar merasa agak terbatas untuk mempelajari subjek ini dengan lebih mendalam.
8. Masalah untuk memahami beberapa perkataan atau istilah linguistik baru atau jarang didengari dan yang tidak difahami dalam beberapa nota dalam talian melalui aplikasi “*Microsoft Powerpoint*” yang diberikan oleh pensyarah dan pembentang dalam kalangan pelajar. Ini berpunca dari bahan yang kurang jelas dan cara pembentangan yang kurang efektif.

Cara Mengatasi Permasalahan Pembelajaran Dalam Talian

1. Pensyarah banyak membantu dan bertolak ansur dengan pelajar terutama dalam pelajaran dan kerja kursus. Pelajar berasa gembira kerana dapat menimba ilmu bersama pensyarah yang banyak memberikan tunjuk ajar dan nasihat kepada mereka.
2. Pelajar akan cuba bertanya soalan dan diminta untuk memberi penerangan dan membantu rakan yang lain kerana ada sebahagian merasakan adanya persaingan yang sihat dengan rakan sekelas semasa proses pembelajaran sedang berjalan.
3. Pelajar membuat ulang kaji dahulu sebelum kelas dalam talian berlangsung dan memberikan fokus semasa belajar. Selain itu, mereka cuba untuk mendengar dan memahami setiap perkara yang diajarkan oleh guru dengan sebaik-baiknya.
4. Pelajar perlu sentiasa memastikan alat-alat peranti berfungsi dengan baik. Mereka juga mencadangkan untuk menyediakan bahan sokongan lain seperti video dan lain-lain. Ini kerana kursus ini berkaitan dengan penggunaan pelbagai aplikasi secara tidak langsung.
5. Pensyarah akan menyuruh setiap pelajar membaca dan pelajar mencuba untuk menerangkan apa yang difahami dan juga melakar peta minda serta menghantar kerja kursus dan Latihan sebagaimana proses pengajaran bersemuka yang dijalankan sebelum musim pandemik Covid-19.
6. Pensyarah banyak membantu untuk menaikkan semangat dalam meneruskan pembelajaran dalam talian sepanjang semester tersebut. Pensyarah banyak memberikan nasihat, kata-kata semangat, bantuan secara langsung dan tidak langsung dalam kursus Linguistik (BAL4083) dan setiap tugasan yang perlu dilakukan untuk semester ini.
7. Pada peringkat awal pembelajaran dalam talian, pelajar menggunakan sebaiknya medium aplikasi WhatsApp dan laman sesawang kursus berkenaan dalam laman GOALS USIM, di mana pensyarah mengambil inisiatif merakam pengajaran berdasarkan silibus yang telah ditetapkan dalam panduan kursus, kemudian memuat naik video pengajaran beliau dalam kumpulan WhatsApp pelajar.

8. Pensyarah telah menggalakkan penglibatan pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dengan memberi peluang kepada pelajar menerangkan topik yang dipelajari dengan betul mengenai topik tersebut dan menyediakan latihan berfokus yang sesuai.
9. Pensyarah memberikan kelonggaran (fleksibiliti) kepada pelajar dari segi anjakan waktu kelas yang lebih selesa (melihat kepada situasi pelajar), bimbingan yang baik serta menggalakkan pelajar untuk menyiapkan tugas secara teliti meskipun belajar dari rumah (BDR).
10. Cara terbaik untuk mengatasi masalah pembelajaran subjek ini dalam talian adalah dengan menggunakan konsep perbincangan dan pembelajaran yang “santai tetapi sampai” dan mudah difahami. Tidak terlalu memperbanyakkan tugas individu dan berkumpulan memandangkan ada peperiksaan akhir semester akan dijalankan. Komitmen pelajar penyumbang terbesar kepada kejayaan sesuatu kursus dan PdP yang dijalankan.

PERBINCANGAN

Kursus Linguistik (BAL4083) memerlukan para pelajar supaya lebih fokus untuk pembelajaran kendiri atau Self Learning Process (SLP). Mereka perlu kreatif dan mempunyai inisiatif untuk cepat memahami kursus ini melalui rakaman kuliah dalam talian dari aplikasi Zoom, selain kursus ini mengajar para pelajar ketepatan masa kerana pensyarah akan mula berkuliah tepat pada masanya.

Selain itu, para pelajar sekali gus dapat mempraktikkan apa yang dipelajari dengan mencari bahan rujukan secara dalam talian. Banyak perkara daripada subjek ni yang boleh diaplikasikan sepanjang tempoh pembelajaran. Dalam keterbatasan kaedah pembelajaran era pandemik ini, para pelajar masih dapat belajar menyediakan kerja kursus berkaitan analisis linguistik dan kaedah aplikasi bahasa Arab yang seharusnya diketahui oleh pelajar.

Walaupun kursus ini mempunyai pengisian yang menarik tetapi antara masalah yang terdapat dalam pembelajaran subjek ini ialah kesukaran untuk melakukan perbincangan antara ahli kumpulan dalam usaha menyiapkan tugas yang diberi disebabkan jarak jauh di antara pelajar itu sendiri. Persekutaran yang tidak kondusif dan faktor gangguan persekitaran seperti ahli keluarga yang kurang memahami sedikit sebanyak mengganggu tumpuan pelajar terhadap kursus ini. Sebahagian pelajar mempunyai kelemahan mengenai teknologi hingga mereka menjadi kurang fokus kelas secara dalam talian berbanding kelas bersemuka.

Pelbagai inisiatif dan kaedah diambil untuk mengatasi masalah pembelajaran kursus ini secara dalam talian. Antaranya ialah tenaga pengajar dan pelajar perlu lebih kreatif dan bermotivasi. Pensyarah juga perlu sentiasa memberikan kata semangat untuk mengurangkan tekanan pelajar yang banyak terutama kerja kursus individu dan berkumpulan. Pelajar juga perlu memilih alat peranti yang baik dan membeli rangkaian internet yang lebih bagus dari segi data capaian dan harga yang berpatutan. Selain itu, konsep perbincangan dan pembelajaran yang santai tetapi sampai dan mudah difahami amat diperlukan supaya pelajar dan pensyarah tidak tertekan dengan suasana pembelajaran era pandemik ini.

Di samping itu, pelajar perlu mengulang kaji dahulu sebelum kelas dalam talian berlangsung dan memberi fokus semasa belajar. Ini penting untuk memastikan para pelajar

dapat mengambil bahagian secara aktif dalam sesi kuliah dan tutorial. Selain cuba untuk mendengar dan memahami setiap perkara yang diajar oleh guru dengan sebaik-baiknya dengan menjadi pelajar yang responsif. Pensyarah juga perlu menunjukkan cara dan memberi penjelasan yang lebih terperinci kepada pelajar dengan memberi tunjuk ajar melalui peta minda yang berwarna warni serta pembelajaran, mungkin menggunakan tulisan yang jelas dan mudah difahami.



Rajah 2: Contoh Pembelajaran Norma Baharu Melalui Aplikasi Dalam Talian

Rajah 2: Contoh Lain Pembelajaran Norma Baharu Melalui Moodle Pembelajaran
 Rajah 2: Contoh Lain Pembelajaran Norma Baharu Melalui Moodle Pembelajaran
 Rajah 2: Contoh Lain Pembelajaran Norma Baharu Melalui Moodle Pembelajaran

Course Status : BLENDED		
Category	Current Item	Status
Information	1	✓
Information Guideline		
Resources	7	✓
Activities	3	✓
Assessments	3	✓

The Moodle interface includes a navigation bar with 'Faculty Courses', 'USIM MOOC', 'My Courses', 'Blended Course Report', and 'BLS Course Report'. A user profile for 'AZLAN BIN SHAIFUL BAHARUM' is visible. The main content area displays a question in Arabic: 'ما أقسام اللغويات وأذكر خمسة منها مع التعريف لكل منها' (What are the types of linguistics and name five of them with their definition). Below it is a list of six linguistic fields in Arabic, followed by a download link for a presentation file.

Rajah 2: Contoh Lain Pembelajaran Norma Baharu Melalui Moodle Pembelajaran

KESIMPULAN

Sesi pembelajaran kursus wajib program ini sepanjang semester satu, secara dalam talian berjalan lancar dengan komitmen dan kerjasama semua pelajar. Semua pelajar bersetuju bahawa pembelajaran secara dalam talian ini memberikan manfaat dan pengalaman baru. Namun mereka memerlukan banyak sokongan dari segi emosional dan teknikal. Seterusnya, pembelajaran secara maya ini juga pengalaman baru bagi semua warga USIM terutama FPBU. Kerjasama daripada rakan pelajar dan tenaga pengajar juga banyak membantu memahami tajuk yang dipelajari di samping pembelajaran secara kendiri. Di samping itu, suasana yang kondusif ketika belajar amat penting bagi mengekalkan dan meningkatkan konsentrasi seseorang pelajar ketika belajar. Selain itu, pembelajaran atas talian yang dijalankan secara berterusan sehingga tamat pengkuliahan semester ini merupakan tempoh yang lama dan memberi cabaran kepada pelajar dalam mengekalkan dan meningkatkan motivasi diri agar bersungguh-sungguh dan tekun dalam menuntut ilmu. Kesimpulannya, pembelajaran atas talian memerlukan usaha, kekuatan, kesefahaman, kejujuran, pembahagi masa yang efektif dan yang paling penting belajar secara kendiri. Semua masalah dapat diatasi jika pelajar mempunyai perancangan yang baik untuk menghadapi suasana pembelajaran dalam norma baharu pasca peralihan endemik bermula 1 April 2022.

RUJUKAN

- Ashraf Ismail, Khazri Osman, Nurul Huda binti Hassan. 2020. *Cabar pengajaran dan pembelajaran tasmik hafazan al-Quran secara atas talian sewaktu pandemik covid-19*. Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik. Ms. 110-116
- Azlan Shaiful Baharum, Rosni Samah dan Rohaizaf Maizani Mat Zain. 2017. *Al-Akhta' al-Lughawiah ladal at-Tullab al-Jamiah al-Maliziyyah*. Nilai: Penerbitan USIM Press.

- Azlan Shaiful Baharum. 2013. *Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Berformat dalam Kalangan Pelajar Penghususan bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Azlan Shaiful Baharum. 2022. *PdP Kursus Linguistik dalam Talian Ketika Pandemik: Satu Tinjauan Pelajar SMBAK, USIM. E-Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-12, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia 2022*, ms. 824-832.
- Azman Che Mat. 2013. *Makalah: Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. Akademi Pengajian Bahasa (UITM) Terengganu, Malaysia*. Volume 2 Issue 2 2013 Academia Journal UiTMT (<http://journale-academiauitm.uitm.edu.my/>) ms. 61
- Hairun Najuwah Jamali, Wazzainab Ismail, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Awatif Abdul Rahman. 2020. *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam talian ketika pkpp: Pengalaman di KUIS*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) Dalam Talian. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Mohd Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof, Hapini Awang. 2020. *Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik covid 19*. Prosiding Seminar Darul Aman 2020 Peringkat Kebangsaan. ms. 404-411
- Najmi Syahiran Mamat. 2020. *Pembelajaran alam maya: ini solusi ketika berdepan covid-19*. Diambil dari artikel berita: <https://www.astroawani.com/berita-teknologi/pembelajaran-alam-maya-ini-solusi-ketika-berdepan-covid19-234885>
- Rahimi Bin Md. Saad, Zawawi Ismail dan Wan Nordin Bin Wan Abdullah. 2005. *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berasaskan web*, Universiti Malaya.
- Rosni Samah. 2007. *Penggunaan internet dalam pengajaran bahasa: kajian terhadap bahasa Arab komunikasi pelancongan*. Malaysian Education Dean's Council Journal, 1(2), 83-95.
- Saipolbarin Ramli, Nazri Atoh, Zarima Zakaria, Mohammad Ariffin. 2017. *I-kit bahasa Arab dalam kalangan pelajar ism bahasa Arab dengan pendidikan UPSI: satu analisis (usage of the Arabic language i-kit among UPSI's bachelor of Arabic language with Education students: an analysis)*. Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE) Vol. 3: No. 7 (September 2017) Page 79–89
- Siti Nurbaitura Che Azizan Nurfaradilla, Mohamad Nasr. 2020. Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui Pendekatan Home Based Learning (hbl) semasa tempoh pandemik COVID-19. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature Jilid 11 Edisi Khas*. Page 46-57.

Laman Sesawang

Kenyataan media bertajuk : *kenyataan media berkenaan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi fasa pertama*. diambil dari laman sesawang:

<https://www.pmo.gov.my/2021/05/kenyataan-media-berkenaan-penutupan-penuh-sektor-sosial-dan-ekonomi-fasa-pertama/>. Tarikh: 28 Jun 2021.

Kenyataan media bertajuk: *wabak covid-19: penyesuaian kendiri terhadap norma baharu* diambil dari laman sesawang: (<https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/wabak-covid-19-penesuaian-kendiri-terhadap-norma-baharu/>) Tarikh: 28 Jun 2021.